



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

selangorku



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

“MEMBANGUN BANGSA, MEMAKMUR NEGERI”

Ruj kami : PWN.Sel.(PPA) 052 JILID 3 (16)
Tarikh : 05 Rabiulakhir 1438H
06 Januari 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YB Dato' / YBhg.Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR BIL.1 TAHUN 2017
MEKANISME KAWALAN PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL NEGERI
SELANGOR.**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan bersama sesalinan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1 Tahun 2017 : Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Negeri Selangor** untuk makluman dan tindakan YB Dato' / YBhg.Dato' / Tuan / Puan selanjutnya. Perhatian dan kerjasama YB Dato' / YBhg.Dato' / Tuan / Puan dalam perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(AHMAD MAHZAN BIN BOHARI)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.
☎ 03-55447799
✉ ahmadmahzan@selangor.gov.my



No. Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN),
603-5544 7297 (TPWN),
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),
603-5526 1055 (Belanjawan)
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>

Visit selangor
Discover Selangor
Terokai Selangor 2015



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 1 TAHUN 2017

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah.
Selangor Darul Ehsan

MEKANISME KAWALAN PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL
NEGERI SELANGOR

1. Latar Belakang

- 1.1. Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan persetujuan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk menggunakan dan menguatkuasakan **1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2.3 : Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan** dengan beberapa pengubahsuaian mengikut kesesuaian pelaksanaan di peringkat Negeri Selangor.
- 1.2. Perbendaharaan Negeri berpandangan mekanisme kawalan pengurusan ini penting bukan sahaja dalam memastikan unjuran kewangan yang telah ditetapkan dipatuhi malah menekankan aspek-aspek berikut:-
 - (i) Menerapkan disiplin kewangan yang tinggi terhadap pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan Negeri; dan
 - (ii) Menerapkan budaya perancangan dan pengurusan projek pembangunan fizikal yang cemerlang.
- 1.3 Selaras dengan langkah tersebut, pengubahsuaian dan pindaan ke atas mekanisme kawalan pengurusan projek tersebut diperincikan dalam perenggan yang seterusnya.

2. Memastikan Kesemua Projek Kerajaan Negeri Dilaksanakan Mengikut Skop, Keutamaan Dan Kos Projek Asal Yang Telah Diluluskan Oleh Seksyen Agihan & Pembangunan, UPEN Dan Perbendaharaan Negeri Selangor

- 2.1 Penyediaan *project brief/need statement* perlu dipastikan mengikut keperluan serta tidak berlebihan iaitu berdasarkan kos projek asal yang telah diluluskan;
- 2.2 Agensi pelaksana hendaklah memastikan reka bentuk yang disediakan oleh Jabatan Teknik/Perunding juga tidak melebihi kos dan skop projek asal yang telah diluluskan;
- 2.3 Notis Perubahan (*Notice of Change* - NOC) yang melibatkan penambahan kos, perubahan lokasi dan pertukaran projek adalah tidak dibenarkan;
- 2.4 Mana-mana projek yang telah diluluskan tetapi tidak dapat memulakan proses perolehan mengikut perancangan/jadual yang ditetapkan, Agensi Pelaksana boleh mengemukakan cadangan *virement* kepada Vot mana-mana projek/program lain yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan diluluskan secara token dalam tahun semasa tertakluk kepada syarat tiada kekangan atau bebanan kepada tapak projek; dan
- 2.5 Sebarang penjimatan dan baki daripada peruntukan yang diluluskan boleh dipindahkan bagi kegunaan projek/program lain serta tidak perlu dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri kecuali tidak ada keperluan di peringkat jabatan/agensi berkenaan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIKOSONGKAN]

3. **Semua Arahan Perubahan Kerja (VO) Yang Melibatkan Pertambahan Kos Dinilai Semula**

3.1 Pemakaian Arahan Perbendaharaan (AP) 202 dan mana-mana peraturan berkaitan VO oleh Agensi hendaklah ditangguhkan kecuali keperluan VO dalam keadaan seperti berikut:

3.1.1 Keperluan statut, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pembekal Utiliti (seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Jabatan Bekalan Air dan Indah Water Konsortium);

3.1.2 Bertujuan mengelakkan ancaman nyawa, kerosakan harta benda awam atau kerugian wang dan implikasi perundangan kepada Kerajaan; dan

3.1.3 Keperluan teknikal diperlukan untuk menyiapkan skop projek asal tertakluk kepada had nilai maksimum RM1 juta.

3.2 Perjanjian berasaskan Borang Standard JKR Siri 203 dan PWD Form DB untuk perolehan kerja serta format perjanjian piawai Perunding semasa dikekalkan bagi melindungi kepentingan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pemakaian klausa berkaitan VO di bawah Borang Standard JKR Siri 203, PWD Form DB dan pertambahan skop perkhidmatan Perunding dalam perjanjian piawai Perunding hanya dikhususkan kepada perkara 3.1 di atas sahaja. Agensi dilarang meluluskan VO dan pertambahan skop perkhidmatan Perunding selain daripada perkara tersebut.

3.3 Walaupun bagaimanapun, keperluan *Variation Order* (VO) yang ditimbal balas dengan *VO Omission* (Kurangan) dan didapati kos projek masih di bawah siling peruntukan yang diluluskan boleh dipertimbangkan oleh Perbendaharaan Negeri tertakluk mendapat ulasan sokongan dari Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN.

[RUANGAN INI SENGAJA DIKOSONGKAN]

4. **Memastikan Yuran Perkhidmatan Perunding Kekal (*At A Fixed Consultant Fee*) Sepanjang Pelaksanaan Projek Sehingga Projek Siap**

- 4.1 Kaedah pelantikan Perunding bagi projek pembangunan fizikal hendaklah mengikut tatacara perolehan perkhidmatan Perunding yang berkuat kuasa. Kaedah pelantikan perkhidmatan Perunding fizikal adalah seperti berikut:
- 4.1.1. Lantikan Terus Beserta Kos Siling;
 - 4.1.2. Tender Terhad; dan
 - 4.1.3. Tender Terbuka.
- 4.2 Kerajaan memutuskan yuran perkhidmatan Perunding adalah tetap sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap (*at a fixed consultant fee*). Yuran perkhidmatan Perunding yang dipersetujui tidak boleh berubah mengikut pertambahan kos projek atau perubahan skop perkhidmatan atau bertambah berdasarkan jumlah nilai kontrak akhir (*final contract sum*). Perunding tidak boleh bersandarkan kepada Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees - SOF*) untuk memohon pertambahan yuran perkhidmatan. Ini bermaksud yuran perkhidmatan Perunding tidak akan berubah setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada Perunding kecuali dalam keadaan yang dijelaskan di perenggan berikutnya.
- 4.3 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetujui terima oleh Kerajaan lebih rendah daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan yuran perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak membuat pelarasan yuran perkhidmatan Perunding. Pelarasan yuran perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan yuran secara berkadar mengikut harga tender kerja yang telah disetujui terima Kerajaan.
- 4.4 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetujui terima oleh Kerajaan lebih tinggi daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan yuran perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak mengekalkan yuran perkhidmatan Perunding yang telah disetujui terima tanpa perlu membuat apa-apa pelarasan.
- 4.5 Contoh pelarasan penurunan yuran Perunding (Kejuruteraan Awam & Struktur) sekiranya kos projek yang disetujui terima Kerajaan **lebih rendah** berbanding anggaran kos projek asal adalah seperti berikut:

Jadual 1: Sebelum Tender

Anggaran Kos Projek Asal	Yuran Perkhidmatan Perunding (Mengikut Surat Setuju Terima Perunding)	Peratus Yuran Perunding Berbanding Anggaran Kos Projek Asal
RM31.0 juta	RM1.36 juta	4.38%

Jadual 2: Selepas Tender Pelarasan Berkadaran Mengikut Peratusan Yang Sama

Kos Projek (Tender Kerja yang disetujui terima oleh Kerajaan)	Yuran Perkhidmatan Perunding (Berkadaran mengikut peratus yang sama)	Peratus Yuran Perunding Berbanding Kos Projek yang disetujui terima
RM26.95 juta	RM1.18 juta	4.38%

- 4.6 Contoh penetapan yuran perkhidmatan Perunding (Juruukur Bahan), sekiranya kos projek yang disetujui terima Kerajaan **lebih tinggi** berbanding anggaran kos projek asal adalah seperti berikut:

Jadual 3: Sebelum Tender

Anggaran Kos Projek Asal	Yuran Perkhidmatan Perunding (Mengikut Surat Setuju Terima Perunding)	Peratus Yuran Perunding Berbanding Anggaran Kos Projek Asal
RM40.40 juta	RM612 ribu	4.38%

Jadual 4: Selepas Tender Mengikut *Fixed Consultant Fee*

Kos Projek (Tender Kerja yang disetujui terima oleh Kerajaan)	Yuran Perkhidmatan Perunding (Ditetapkan Mengikut Surat Setuju Terima Perunding)	Peratus Yuran Perunding Berbanding Kos Projek yang disetujui terima
RM55.0 juta	RM 612 ribu	1.36%

- 4.7 Bagi kos imbuhan balik, Perunding boleh menuntut bayaran daripada Agensi berdasarkan perbelanjaan sebenar dengan mengemukakan dokumen sokongan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.8 Penyediaan Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding
- 4.8.1. Agensi boleh menggunakan kaedah Skala Yuran Piawai (SOF) dan Input Masa dalam penyediaan harga Anggaran Jabatan (AJ). Seterusnya, Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan mempertimbang Terma Rujukan termasuk butiran anggaran kos yang telah diperincikan.
- 4.8.2. Agensi adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi tatacara perolehan perkhidmatan Perunding yang berkuat kuasa.
- 4.9 Penyediaan Dokumen Pelawaan
- 4.9.1. Agensi hendaklah memastikan mekanisme penetapan yuran sebagaimana di perenggan 4.2 hingga 4.6 di atas dinyatakan terlebih dahulu (*up front*) secara jelas di dalam Dokumen Pelawaan bagi mengelakkan pertikaian dan ketidakpuasan hati Perunding berhubung yuran perkhidmatan Perunding setelah pelantikan disempurnakan.
- 4.9.2. Agensi hendaklah memasukkan harga indikatif Jabatan (kos perkhidmatan Perunding) dan dinyatakan dengan jelas di dalam Dokumen Pelawaan sebagai panduan dan mengelakkan Perunding mengemukakan tawaran kos perkhidmatan Perunding melebihi harga indikatif Jabatan.
- 4.10 Agensi hendaklah merujuk kepada Penasihat Undang-Undang masing-masing untuk memastikan klausa perjanjian piawai Perunding berkaitan penetapan yuran perkhidmatan Perunding seperti di perenggan 4.1 hingga 4.9 di atas dan klausa lain yang berkaitan dibuat pindaan sewajarnya bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

5. Tanggungjawab Agensi

- 5.1 Sebagai langkah menjayakan mekanisme kawalan pengurusan projek pembangunan fizikal ini, Agensi adalah bertanggungjawab memastikan setiap projek pembangunan dilaksanakan mengikut kos projek, jadual dan siling peruntukan yang ditetapkan. Kerajaan memberi perhatian serius ke atas pelaksanaan mekanisme ini dan semua Agensi hendaklah sentiasa melaporkan NOC dan VO kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN secara bertulis.
- 5.2 Mekanisme di perenggan 2, 3 dan 5.1 di atas dikuat kuasakan bagi projek semasa dan baharu, manakala mekanisme di perenggan 4 adalah bagi projek baharu sahaja. Sungguhpun begitu, pelaksanaan mekanisme ini tidak menjejaskan legaliti mana-mana VO yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM) sebelum tarikh kuatkuasa.
- 5.3 Tindakan tegas akan diambil ke atas Agensi yang gagal mematuhi mekanisme baharu ini dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana cuai dalam melaksanakan peraturan Kerajaan. Selain itu, sekiranya Perunding yang telah dilantik bagi sesuatu projek konvensional atau kontraktor *design and build* gagal mematuhi peraturan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib ke atas pendaftaran syarikat dengan Kerajaan serta diambil perhatian semasa pertimbangan untuk projek Kerajaan yang lain.

6. Tarikh Kuat Kuasa

- 6.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **04 Januari 2017** kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah / Tanah, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani perintah,


(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S, S.I.S

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

s.k. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

SENARAI EDARAN :-

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)**
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Tingkat 18, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5519 3301

2. **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)**
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Tingkat 13, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 1264

3. Timbalan Pengarah
Seksyen Makro Dan Penswastaan
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 16, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 9229

4. **Ketua Setiausaha Sulit Kepada**
Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5519 0032

5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan 'SSAAS'
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5519 1189

6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 4095

7. Setiausaha Bahagian
Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Undangan Negeri Selangor
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 4055

8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 1088

9. Timbalan Pengarah
Seksyen Sektor
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 5, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 6706

10. Timbalan Pengarah
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5513 0223
11. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Korporat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
No. Faks : 03-5544 7299
12. Timbalan Pengarah
Seksyen Agihan Dan Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5518 4039
13. Penolong Pengarah,
Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)
Tingkat Bawah, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5512 5193

14. Ketua Penolong Setiausaha,
Unit Integriti,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

15. Ketua Penolong Setiausaha,
Unit Pengurusan Bencana,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

16. Jurutera Tempatan
Unit Pengurusan Bangunan SSAAS
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Terbawah, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03 - 55447887

17. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pejabat Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Negeri Selangor
40582 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03 - 5510 4055

SENARAI EDARAN :-

JABATAN-JABATAN NEGERI SELANGOR

1. Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
Tingkat 1, Menara Sultan
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit Suk
Seksyen 5, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 3368

2. Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 2658

3. YAA Ketua Hakim Syarie Selangor
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)
Persiaran Masjid, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 5620

4. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan
Tingkat 7 & 8, Blok Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 7584

5. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan SSAAS,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 6011

6. Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 4494

7. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15 – 18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 5051

8. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan Ssaas
40660 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 2358

9. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Selangor
Tingkat 3& 4, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 5044

10. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Lot 2, Jalan Utas 15/7,
40630 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 3903
11. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Tingkat 2 & 23, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 0232
12. Y. Bhg. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
Kepada DYMM Sultan Selangor
Pejabat Istana Alam Shah
41500 Klang,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3371 6969
13. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 1261
14. Pengarah,
Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS)
Lot 7, Jalan Pantai Morib,
42700 Kuala Langat
Selangor Darul Ehsan
No. Faks : 03-55191304

SENARAI EDARAN :-

PEGAWAI – PEGAWAI DAERAH

1. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota Raja,
41902 Klang,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3372 3079

2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/ Tanah Petaling
No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-7846 0730

3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-6136 1073

4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-8706 1731

5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-8925 2137

6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat, Sungai Sedu
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan

No. Faks : 03-3187 2011

7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-6064 4253

8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
Kompleks Kerajaan Daerah Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3298 2145

9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam
45300 Sungai Besar, Sabak Bernam
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3224 2178

SENARAI EDARAN :-

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam
Tingkat 1, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5513 3564

2. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-7958 1494

3. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Persiaran Perpaduan,
Jalan USJ 5,
47610, Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5637 6569

4. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-8733 5975

5. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3 Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-6138 8933
6. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang
Bangunan Sultan Alam Shah,
Jalan Perbandaran,
41675 Klang Bandar Diraja,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3374 3661
7. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ,
Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur
No. Faks : 03-4296 8060
8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api,
63100 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-8319 0220
9. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3289 1101

10. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sabak Bernam
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3224 2766

11. Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-6064 3991

12. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,
42700 Banting,
Kuala Langat,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 3187 9304

SENARAI EDARAN :-

BADAN BERKANUN NEGERI

1. Pengerusi,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Aras 9, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 – 5512 4042

2. Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Zakat Selangor
3-01-1, Presint ALAMi, Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel. : 03 - 8314 2222
No. Faks : 03 – 8814 2233

3. Pengerusi,
Perbadanan Wakaf Selangor
Aras 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 – 5514 3759

4. Pengarah,
Perbadanan Perpustakaan Awam (PPAS)
Negeri Selangor,
Jalan Kelab Golf 13/6
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03- 5510 4264

5. Pengarah,
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT)
Negeri Selangor,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 5510 1799

6. Pengarah Eksekutif,
Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS)
Tingkat 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan
No 3 Jalan Indah Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 5510 1800

7. Ketua Pengarah Eksekutif,
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)
Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 5513 5568

8. Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
Tingkat 2 – 9, Menara HPAIC,
Laman Seri Business Park,
No.7, Persiaran Sukan,
Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 5510 3167

9. Pengurus Besar,
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)
Wisma PKPS, Percint 3.2 Tingkat 9-11,
Perbandaran 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-5519 1481

10. Pengarah Eksekutif
Majlis Sukan Negeri (MSN)
Aras 2 & 3,
Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor
Lot 4, Jalan Platinum 7/52,
Persiaran Kayangan, Seksyen 7,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 5510 1377